

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7218**

**SOALAN:**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan butir-butir kes jenayah dalam 5 tahun lalu dan sama ada kes jenayah telah pun naik atau turun serta tindakan Kerajaan untuk mengurangkan kadar jenayah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan bersungguh-sungguh untuk mengurangkan kadar jenayah bagi memastikan rakyat dapat hidup dengan aman dan sejahtera. Justeru itu, di antara langkah-langkah pencegahan untuk mengurangkan kadar jenayah yang telah dilakukan adalah seperti berikut:

- i) Melaksanakan *High Profile Policing* di mana pegawai-pegawai kanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan ‘turun padang’ bersama-sama anggota polis lain untuk bertemu dan beramah mesra dengan masyarakat;
- ii) Melaksanakan Kempen Bersama Membanteras Jenayah atau *United Against Crime* (UAC) bagi meningkatkan penyertaan masyarakat bersama pihak berkuasa untuk membanteras jenayah; dan
- iii) Program *Go-To-Safety Points* yang melibatkan kerjasama di antara pihak berkuasa dengan pihak swasta di mana pekerja syarikat yang menyertai program ini iaitu 7-Eleven, Pos Malaysia Bhd dan stesen minyak Petron serta Shell dilatih oleh PDRM untuk memberikan bantuan awal sekiranya berlaku kejadian jenayah.

**Manakala bagi memperkasa keupayaan PDRM dalam menangani masalah jenayah, Kerajaan telah mengambil inisiatif dengan:**

- i) Menambah 4,000 perjawatan baru Polis Diraja Malaysia pada 2013 untuk melaksanakan tugas-tugas rondaan dan pencegahan jenayah;
- ii) Menubuhkan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) bagi memantau kawasan perumahan. Sehingga kini sejumlah 1,800 unit motosikal telah diagihkan ke seluruh negara;
- iii) Latihan dalam perkhidmatan yang merangkumi aspek siasatan forensik, modal insan dan integriti;
- iv) Pewujudan Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) pada 9 Jun 2014 bertujuan melaksanakan aktiviti pencegahan jenayah secara menyeluruh; dan
- v) Pewujudan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) PDRM pada 25 Julai 2014 untuk memperkasakan integriti PDRM.

**Untuk makluman Ahli Dewan Yang Mulia ini, tugas untuk mencegah dan membanteras jenayah bukan hanya dipertanggungjawabkan kepada sebuah agensi khusus sahaja seperti PDRM. Kerajaan telah menggerakkan secara bersepadu seluruh jabatan dan agensi kerajaan untuk bersama-sama dalam pencegahan jenayah. Jabatan Penjara Malaysia melalui program pemulihannya telah**

**berjaya mengurangkan kadar residivis atau kemasukan semula ke penjara di bawah paras yang ditetapkan sebanyak 9%:**

- i) **Tahun 2009 kadar residivis adalah sebanyak 6.48%;**
- ii) **Bagi tahun 2010 kadar residivis adalah 7.32%;**
- iii) **Seterusnya tahun 2011 kadar residivis adalah 7.85%;**
- iv) **Bagi tahun 2012 kadar residivis adalah 7.97%;**
- v) **Manakala tahun 2013 kadar residivis menurun lagi kepada 7.61%; dan**
- vi) **Bagi tahun 2014 kadar residivis setakat 31 Ogos 2014 adalah 7.79%.**

Proses pemulihan banduan bukan hanya terhad dan berpusat di dalam tembok penjara sahaja, ianya boleh juga dilaksanakan di luar tembok seperti mengadakan Program Pemulihan Pemasyarakatan, pelaksanaan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) dan pelaksanaan lain-lain program berbentuk kemasyarakatan. Selain itu Kerajaan telah mewujudkan empat belas (14) buah Rumah Perantaraan (RP) di setiap negeri di mana sejak pewujudan RP ini seramai 1,135 bekas banduan telah memanfaatkan kemudahan ini. Kini mereka telah berada di dalam kelompok masyarakat dan boleh berdikari. Ini membuktikan bahawa usaha Kerajaan selama ini melalui inisiatif NKRA telah membuaikan hasil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jenayah indeks dapat dipecahkan kepada dua (2) kategori iaitu jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Jenis kesalahan di bawah jenayah kekerasan adalah seperti bunuh, rogol, samun berkawan bersenjata api, samun berkawan tanpa bersenjata api, samun bersenjata api, samun tanpa senjata api dan mencederakan. Bagi jenis kesalahan di bawah jenayah harta benda pula ianya merangkumi curi, curi motokar, curi motosikal, curi van/lori/jentera berat, curi ragut dan pecah rumah.

Manakala jenayah bukan indeks adalah jenayah selain daripada tiga belas (13) jenis kesalahan jenayah indeks yang saya sebut sebentar tadi. Ini meliputi kesalahan-kesalahan di bawah akta-akta seperti Akta Kesalahan Kecil, Akta Imigresen, Akta Polis, Akta Hiburan, Akta Dadah Berbahaya, Enakmen dan Ordinan Negeri.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Puchong, statistik jenayah indeks yang direkodkan bagi tahun 2009, iaitu sebelum NKRA Mengurangkan Jenayah dilaksanakan ialah sebanyak 209,817 kes. Setelah pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah, statistik yang direkodkan bagi lima (5) tahun lalu adalah seperti berikut:

- i) bagi tahun 2010 jumlah kes telah menurun sebanyak 15.4% berbanding tahun 2009;
- ii) bagi tahun 2011 pula penurunan jumlah kes direkod sebanyak 10.7% berbanding tahun 2010;

- iii) seterusnya bagi tahun 2012 jumlah kes mencatat penurunan sebanyak 7.6% berbanding tahun 2011;
- iv) manakala bagi tahun 2013 penurunan terus dicatatkan sebanyak 4.3% berbanding tahun 2012.